1 Bendahara merupakan pembesar yang mempunyai peranan penting dalam sistem pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka.
Apakah peranan tersebut?

A Ketua turus angkatan tentera
B Menguruskan perbendaharaan
C Mengawasi kutipan cukai di pelabuhan
D Mengetuai pelantikan jawatan hububalang

2 Maklumat berikut berkaitan dengan undang-undang bertulis.

- Hukum Kanun Melaka
- Undang-undang laut Melaka

Apakah kepentingan undang-undang bertulis tersebut?

A Menyebarkan agama
B Mengukuhkan kerajaan
C Menyebarkan pengaruh
D Mengukuhkan kuasa raja

3 Apakah tujuan pergerakan nasionalisme di China?

A Mengukuhkan peradaban
B Menghapuskan pemberontakan
C Mengekalkan pemerintahan berpusat
D Memperbaiki sosioekonomi penduduk

4 British telah memperkenalkan dasar desentralisasi di Tanah Melayu.
Apakah kesan dasar tersebut terhadap negara?


A Memajukan sistem pendidikan
B Mengeksploitasi bahan mentah
C Meningkatkan peluang pekerjaan
D Mengembalikan kuasa sultan

5 Perang Dunia Kedua tercetus pada tahun 1939.
Apakah faktor yang mencetuskan perang tersebut?


I Kegagalan Liga Bangsa-Bangsa
II Perkembangan kuasa imperialis baharu
III Penyekatan ekonomi terhadap kuasa Jerman
IV Ketidakpuasan hati terhadap Perjanjian Versailles

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

11 Gambar 1 dan 2 berikut berkaitan dengan kerosakan yang dilakukan oleh Komunis Tanah Melayu.



Gambar 1



Gambar 2

Mengapakah mereka bertindak demikian?

I Menamatkan Malayan Union
II Menentang pentadbiran Jepun
III Menubuhkan kerajaan republik
IV Melumpuhkan ekonomi negara

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

12 Bagaimanakah kerajaan mengawal pergerakan penduduk di bawah Undang-Undang Darurat?

I Penggunaan kad pengenalan
II Sistem pendaftaran kebangsaan
III Penubuhan pasukan perisikan
IV Meyerang kubu komunis

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

13 Senarai berikut merupakan sekolah yang terdapat di Tanah Melayu.

- Sekolah Melayu
- Sekolah Cina
- Sekolah India
- Sekolah Inggeris

Apakah sistem persekolahan tersebut?

A Sekolah umum
B Sekolah rendah
C Sekolah vernakular
D Sekolah kebangsaan

18 Gambar 3 berikut menunjukkan perarakan Tunku Abdul Rahman ke Banda Hilir, Melaka selepas tiba dari rundingan di London.



Gambar 3

Apakah kepentingan peristiwa tersebut?

A Pemilihan wakil rakyat
B Pengisytiharan tarikh kemerdekaan
C Parti perikatan berjaya dalam Pilihan Raya
D Memohon kemerdekaan penuh pada tahun hadapan

19 Kemerdekaan negara tercapai kerana sumbangan tokoh-tokoh nasionalis negara. Bagaimanakah generasi hari ini menghargai jasa mereka?

A Menuntut pelbagai kemahiran
B Mematuhi perundangan negara
C Membangunkan ekonomi negara
D Menyanjungi pengorbanan mereka

20 Apakah persamaan peranan kedua-dua institusi berikut?

- Parlimen
- Dewan Undangan Negeri

A Menggubal perundangan
B Menjalinkan pentadbiran
C Menentukan dasar kerajaan
D Menentukan hala tuju negara.

21. Berikut adalah perkataan bahasa Arab yang merujuk kepada kedaulatan.

Daulah

Apakah maksud perkataan tersebut?

A Menjadi negara yang bebas dan merdeka
B Kuasa pemerintahan sesebuah kerajaan
C Kerajaan yang terikat oleh undang-undang
D Memiliki kebebasan peringkat antarabangsa

25. Gambar berikut berkaitan dengan cap Mohor Besar Raja-Raja.




Apakah kepentingan cap mohor tersebut?

A Mengiktiraf kerajaan yang dipilih rakyat
B Mengesahkan pelantikan Jemaah Menteri
C Melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu
D Meluluskan undang-undang yang digubal Parlimen

26. Bagaimanakah keahlian Dewan Rakyat dipilih?

A Dilantik oleh Majlis Raja-Raja
B Dipilih rakyat melalui pilihan raya
C Diluluskan oleh Perlembagaan Persekutuan
D Diperkenalkan oleh Yang di-Pertuan Agong

27. Rajah berikut berkaitan peruntukan dalam Perlembagaan Persekutuan.



Mengapakah pembahagian kuasa dilakukan?

A Menjaga hak asasi rakyat
B Melicinkan sistem pemerintahan
C Mengukuhkan sistem kebudayaan
D Memantapkan pertahanan negara

37. Kesultanan Melayu Melaka mempunyai hubungan erat dengan pelbagai kerajaan di rantau dan luar Alam Melayu pada abad ke-15.
Mengapakah Kesultanan Melayu Melaka menjalinkan hubungan luar pada ketika itu?

I Mengekalkan penguasaan perdagangan di Selat Melaka
II Memperoleh perakuan tentang kedaulatan Melaka
III Membantu menguasai tanah jajahan yang luas
IV Melancarkan sistem pemerintahan kerajaan Melaka
A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

38. Maklumat berikut adalah perubahan dasar luar Malaysia pada tahun 1970-an.

Dasar Berkecuali

Apakah perkara yang membuktikan perubahan dasar Malaysia tersebut?

A Menandatangani Perjanjian Pertahanan Malaysia-British
B Menjadi perantara menyelesaikan konflik antara Iran-Iraq
C Mengisytiharkan deklarasi ZOPFAN bersama negara ASEAN
D Menjalinkan hubungan dengan negara luar tanpa mengira ideologi

39. Apakah cabaran yang dihadapi oleh negara kita dalam pasaran antarabangsa?

A Kebergantungan pinjaman luar
B Dominasi ekonomi negara maju
C Ketidakstabilan nilai mata wang
D Tarif dan cukai yang murah

40. Apakah kepentingan Perjanjian Zon Bebas Senjata Nuklear Asia Tenggara?

A Memelihara keamanan sejagat
B Menghormati prinsip negara Komanwel
C Meningkatkan kerjasama sosioekonomi
D Melindungi hak asasi manusia

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

PANDUAN JAWAPAN SEJARAH KERTAS 2

Bahagian A

Soalan	Butiran		Markah
1	Gambar berikut menunjukkan tokoh nasionalis yang telah membawa perkembangan nasionalisme di Thailand.  Nai Pridi Phanomyong  Field Marsha Phibulsongkra		
(a)	Mengapakah perkembangan gerakan nasionalisme di Thailand dianggap berbeza daripada negara-negara lain di Asia Tenggara? **[2 markah]**		
	F1	Mempertahankan Kemerdekaan dan kedaulatan negara	1
	F2	Menuntut pelibatan rakyat dalam pemerintahan	1
	F3	Nasionalisme di Thailand dipelopori oleh Raja Thailand melalui usaha diplomasi dan pemodenan	1
	F4	Tujuan mempertahankan kedaulatan negara	1
		Hla Menghalang kemaraan imperialisme Barat	1
		HIb Raja Mongkut memulakan pemodenan	1
		HIc Melaksanakan birokrasi Barat	1
		HId Membawa masuk 80 orang penasihat Barat	1
		Hle Melatih pegawai tempatan dalam pentadbiran	1
		Cla Penasihat kewangan, pelabuhan dan polis dari Britain	1
		CI6 Penasihat kastam dari Amerika Syarikat	1
		CIc Penasihat ketenteraan dari Perancis	1
		HIf Dasar pemodenan Raja Mongkut diteruskan oleh Raja Chulalongkorn	1
	F5	Penentangan terhadap pemerintahan raja berkuasa mutlak	1
		H2a Kelemahan pemerintahan Raja Vajiravudh	1
		H26 Rakyat tidak pus hati terhadap kuasa yang dipegang oleh kerabat diraja	1
		H2c Nai Pridi Phanomyong dan Field Marshal Phibulsongkram membentuk Parti Rakyat	1
		H2d Pada tahun 1932, Parti Rakyat melancarkan Revolusi Thai	1
		H2e Kesannya, pemerintahan raja berkuasa mutlak tamat	1
		H2f Pemerintahan raja berperlembagaan diperkenalkan	1
		H2g Pentadbiran kerajaan dijalankan ole Perdana Menteri	1

Soalan		Butiran	Markah
4 (a)		**Apakah bidang kuasa bagi kerajaan berikut ?**	
	(i)	**Kerajaan Persekutuan**	
	F1	Hal Ehwal Luar Negeri	1
	F2	Pertahanan	1
	F3	Keselamatan dalam negeri	1
	F4	Pentadbiran Keadilan	1
	F5	Kewarganegaraan	1
	F6	Kewangan	1
	F7	Perhubungan dan pengangkutan	1
	F8	Pelajaran	1
	F9	Perubatan dan kesihatan	1
	(ii)	**Kerajaan Negeri**	
	F1	Undang-undang Islam	1
	F2	Tanah	1
	F3	Pertanian dan Perhutanan	1
	F4	Kerajaan tempatan	1
	F5	Hari kelepasan negeri	1
		[Mana-mana 2 x 1*m*]	**[2m]**
4 (b)		**Berdasarkan soalan 3(a) mengapakah Perlembagaan Persekutuan mewujudkan pengagihan kuasa antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri ?**	
	F1	Melicinkan perjalanan sistem Persekutuan serta mengelakkan permasalahan antara kedua-dua peringkat kerajaan	1
	F2	Meningkatkan kecekapan tadbir urus dalam pentadbiran kerajaan supaya menjadi lebih berkesan dan sistematik	1
	F3	Mengekalkan keharmonian hubungan antara kedua-dua peringkat kerajaan	1
	F4	Mewujudkan Kerajaan Persekutuan yang kuat bagi menjamin kestabilan dan kemajuan negara	1
	F5	Mengekalkan kuasa raja-raja Melayu/ kedaulatan raja	1
	F6	Mengekalkan kedaulatan negeri	1
		[Mana-mana 4 x 1*m*]	[4m]
4 (c)		**Kerajaan Tempatan merupakan pihak berkuasa yang telah diberi tanggungjawab bagi mengurus dan membangunkan sesebuah kawasan tempatan atau daerah kecil yang diwartakan.** **Bagaimanakah anda boleh membantu melicinkan peranan Kerajaan Tempatan di kawasan tempat tinggal anda ?**	
	F1	Menjelaskan cukai pintu yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Tempatan	1
	F2	Menggunakan segala kemudahan awam yang disediakan dengan bijaksana	1
	F3	Tidak membuang sampah merata-rata dan sentiasa menjaga kebersihan	1
	F4	Bekerjasama mengindahkan kawasan taman dan kemudahan awam yang disediakan Mematuhi segala peraturan Pihak Berkuasa Tempatan	1
	F5	Mendapatkan kelulusan atau lesen untuk menjaja dan membuka premis perniagaan	1
	F6	Memastikan sistem perparitan di kawasan kediaman sentiasa berada dalam keadaan baik	1
	F7	Menyertai aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan tempat tinggal	1
		[Mana-mana yang munasabah] **[Mana-mana 4 x 1*m*]**	[4m]

	H4e Seperti infrastruktur/ sosial/ ekonomi yang lebih seimbang **[Mana-mana 6x1m]**	1 Maks:6
7(b)	Jelaskan reaksi tempatan yang menyokong pembentukan Malaysia.	
	F1 Penduduk / parti politik di Persekutuan Tanah Melayu bersetuju menerima cadangan pembentukan Malaysia	1
	H1 Tunku Abdul Rahman Putra al Haj mendapat sokongan UMNO	1
	F2 Di Sarawak, BARJASA yang dipimpin oleh Datuk Patinggi Abdul Rahman Ya'kub/ Datu Tuanku Haji Bujang Tuanku Othman menyokong pembentukan Malaysia.	1
	H2a PANAS/ PESAKA/ SCA turut menyokong	1
	H2b SNAP pada peringkat awal menentang, kemudian menyokong	1
	F3 Di Sabah, UNKO / USNO / Pasok Momogun / SCA menyokong pembentukan Malaysia	1
	H3 Menubuhkan gabungan menyokong Malaysia dinamakan Sabah Alliance pada Oktober 1962	1
	F4 Di Singapura, People's Action Party (PAP) yang dipimpin Lee Kuan Yew menyokong	1
	H4a Golongan pedagang / pengusaha industri menyokong / membuka peluang pasaran yang lebih besar	1
	H4b Parti lain, Parti Buruh Singapura bersetuju tetapi menganggap suatu usaha yang sukar untuk dilaksanakan	1
	F5 Di Brunei, Sultan Brunei iaitu Sultan Omar Ali Saifuddin menyokong cadangan	1
	H5a Peringkat awal, rakyat Brunei berminat menyertai gabungan ini	1
	H5b Tetapi mereka ingin mencapai kemerdekaan terlebih dahulu	1
	[Mana-mana 6x1m]	Maks:6
7(c)	Sebagai rakyat Malaysia, bagaimanakah cara anda menunjukkan penghargaan terhadap usaha pemimpin dalam memastikan kesejahteraan negara terperlihara?	
	F1 Menghormati pemimpin	1
	H Bekerjasama dengan pemimpin	1
	HL demi membangunkan negara	1
	C Menyokong dasar-dasar pembangunan negara yang diperkenalkan oleh pemimpin	1
	I Ekonomi berkembang pesat	1
	F2 Cinta kepada negara	1
	H Sanggup berkorban mempertahankan negara	1
	HL Demi menjaga keselamatan negara	1
	C Tidak melakukan perbuatan yang boleh menggugat keselamatan negara	1
	I Kedaulatan negara dapat dikukuhkan	1
	[Mana-mana munasabah]	Maks:8

Suka sampel ini?

Kertas Trial SPM

Sejarah (50+ set)

- Kertas trial SPM dari banyak negeri untuk subjek yang dipilih
- Skema jawapan / cadangan jawapan
- Set Penuh: semua 17 subjek dan jadual ulangkaji A+

RM12.90

BELI SEKARANG >

nightmew.com/p/kertas-percubaan-spm · FPX online banking · download serta-merta